



PEJABAT MAJLIS DAERAH MARANG
21600 MARANG
TERENGGANU
TEL : 09-6182366/ 6182368
FAX : 09-6182490

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT	
PROSES (PERNIAGAAN)	RM 20.00
NO. RESIT	
TARIKH	

**BORANG PERMOHONAN
LESEN PERNIAGAAN
HIBURAN & TEMPAT-TEMPAT HIBURAN**

=====

LEKATKAN SEKEPING
GAMBAR
BERUKURAN
PASPORT DI SINI

(Bagi Permohonan
Individu Sahaja)

ARAHAN :

1. Sila baca dan lampirkan bersama dokumen-dokumen yang diperlukan sebagaimana terdapat di 'Senarai Semak Untuk Pemohon'.
2. Sila isikan borang permohonan ini dengan lengkap dan terang.
3. Sila gunakan '**HURUF BESAR**'.
4. Sila isikan borang ini dengan menggunakan dakwat **HITAM/ BIRU**.
5. Sila tandakan (/) pada petak yang bertanda (*).

1. MAKLUMAT PEMOHON

- i. Nama Penuh (seperti dalam Kad Pengenalan)

[illegible]

- ii. Nombor Kad Pengenalan

[illegible]

Warna

--	--	--	--	--	--

- iii. Alamat Surat Menyurat

[illegible]

Poskod

--	--	--	--	--

- iv. Jantina (*)

Lelaki

Perempuan

- v. Agama : _____

- vi. Warganegara : _____

- vii. Taraf Perkahwinan : _____

- viii. Tarikh Lahir

[illegible]

- ix. Tempat Lahir

[illegible]

- x. Nombor Telefon

[illegible]

- xi. Jawatan Dalam Syarikat (Jika ada)

[illegible]

2. MAKLUMAT SYARIKAT HIBURAN

i. Nama Syarikat Perniagaan

[illegible]

ii. Nombor Daftar Perniagaan

[illegible]

iii. Alamat Syarikat

[illegible]

Poskod

--	--	--	--	--

iv. Jumlah Modal (Jika Berkenaan) : RM.....

v. Pernah membuat permohonan lesen sebelum ini?

	YA (Jika ya sila lampirkan surat kelulusan/lesen)
	TIDAK

vi. Lembaga Pengarah Syarikat (Jika Berkenaan):

BIL	NAMA	NO K/P	ALAMAT	JAWATAN
1				
2				
3				
4				
5				

3. MAKLUMAT PREMIS HIBURAN

- i. Alamat Premis Perniagaan

[illegible]

Poskod				
--------	--	--	--	--

- ii. Jenis Premis (*)

	Rumah Kedai
	Rumah Tumpangan
	Kilang
	Kompleks Membeli Belah
	Lain-lain Premis

Nyatakan : _____

- iii. Pemilikan (*)

	Bangunan Sendiri
	Bangunan Sewa
	Lain-lain

Nyatakan : _____

- iv. Kedudukan Premis (*)

	Tengah
	Tepi
	Berasingan

- v. Waktu Premis Beroperasi :

Dari jam _____ hingga jam _____

- vi. Perkhidmatan Keselamatan Yang Disediakan :

Nama Syarikat Perkhidmatan Keselamatan;

[illegible]

Alamat Syarikat Perkhidmatan Keselamatan;

[illegible]

Poskod				
--------	--	--	--	--

vii. Perlindungan Insurans bagi premis :

Jenis Perlindungan Insurans ;

[illegible]

Jumlah (RM) ;

viii. Pelan Lokasi Premis



4. JENIS-JENIS LESEN HIBURAN YANG DIPOHON

Bil.	Aktiviti Perniagaan Hiburan Yang Dijalankan	Keluasan Lantai/Jumlah bilik/Bilangan mesin
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		

i. Adakah artis luar terlibat?

	YA (Jika ya sila lampirkan visa/permit kerja artis tersebut)
	TIDAK

ii. Tempoh hiburan : Dari _____ hingga _____

iii. a. Masa hiburan : Dari jam _____ hingga jam _____
Dari jam _____ hingga jam _____
Dari jam _____ hingga jam _____

b. Bilangan hiburan sehari/semalam/sebulan : _____

c. Nyatakan bilangan tiket : _____

iv. Fi masuk : RM.....

v. Tujuan hiburan : Komersial / Bukan Komersial

Jika untuk tujuan **bukan komersial**, nyatakan nama dan alamat penuh penerima yang dicadangkan dan surat akuan penerima yang dicadangkan.

Nama Penuh (seperti dalam Kad Pengenalan)

Alamat Surat Menyurat

Poskod _____

5. MAKLUMAT IKLAN

Bil.	Maklumat					
	Ukuran	Lokasi Iklan Dipamer	Jenis Iklan (*)		Tulisan Jawi (*)	
			Bersinar	Tidak Bersinar	Ada	Tidak
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						

Nota :

- Papan tanda/iklan yang dipamer hendaklah mempunyai Bahasa Melayu disamping lain-lain bahasa.
- Perlu meletakkan tulisan Jawi, tulisan tersebut hendaklah berada di atas lain-lain tulisan yang terdapat pada papan tanda/iklan.
- Perlu meletakkan No. Rujukan pada bahagian bawah sebelah kanan papan tanda yang hendak dipamer, contoh ; MDM 384/23/2013.

6. KETERANGAN MENGENAI SUAMI/ ISTERI PEMOHON

6.1 Nama

[illegible]

6.2 Alamat Tetap

[illegible]

6.3 No. Kad Pengenalan : 6.4 Warna :

6.5 Tarikh Lahir : 6.6 Tempat Lahir :

6.7 No. Telefon : (Pejabat) /(Telefon Bimbit)

6.8 Pekerjaan :

7. KEBENARAN TUAN PREMIS/ TUAN TANAH

Bahawa saya, _____

Nombor Kad Pengenalan _____ tuan punya Nombor Premis / Tanah Nombor Lot _____

dan Syarat Nyata Tanah (pada Geran Tanah) _____

dengan ini memberi kebenaran kepada penama/ pemohon di atas untuk menjalankan perniagaan sebagaimana lesen yang dipohon.

(Tandatangan Tuan Tanah/ Tuan Punya Premis)

(Tarikh)

6. PERAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya _____
membuatakuan bahawa segala maklumat yang diberikan dalam borang ini dan lampiran-lampiran yang disertakan adalah betul dan benar. Sekiranya terdapat keterangan palsu, saya bersetuju bahawa permohonan saya ini dengan sendirinya terbatal.

.....
(Tandatangan Pemohon)

.....
(Cop Syarikat/ Perniagaan)

SENARAI SEMAK UNTUK PEMOHON

Kembalikan Borang ini beserta dokumen-dokumen berikut :

Bil	Perkara/ Dokumen	Pemohon	
		Dipatuhi	Tidak Berkenaan
1	-Satu (1) salinan Memorandum dan Perkara Persatuan Bagi Syarikat (Memorandum and Articles of Association), Borang 24 (Return of Allotment Of Shares) dan Borang 49 (Return Giving Particulars Is Register Of Directors, Managers And Secretaries And Changes of Particulars) Akta Pendaftaran Syarikat 1965. atau -Satu (1) salinan Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Perubahan Perniagaan) dan Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956).		
2	-Satu (1) salinan Kad Pengenalan pemohon -Satu (1) salinan Kad Pengenalan/Pasport/Visa/Permit Kerja bagi setiap pekerja		
3	Dua (2) keping gambar berukuran pasport (untuk permohonan individu)		
4	Satu (1) salinan contoh paparan visual iklan (Tulisan Jawi)		
5	-Satu (1) salinan Geran Tanah tapak premis perniagaan atau -Satu (1) salinan Resit Cukai Tanah Terkini atau -Satu (1) salinan Perjanjian Sewa Premis		
6	-Satu (1) salinan kelulusan pelan bangunan <i>Certificate of Completion and Compliance (CCC)</i> , <i>Certificate of Fitness for Occupation (CF)</i> atau Permit Bangunan Sementara atau -Satu (1) Surat Akuan Sumpah menanggung tanggungjawab terhadap bangunan bagi bangunan yang dibina tanpa mempunyai kelulusan pelan bangunan.		
7	Untuk permohonan Lesen Memproses Makanan/Minuman/Kedai Makan Dan Seumpamanya perlu dilampirkan perkara berikut :- a) Senarai nama pekerja (termasuk pemohon). b) Salinan buku/dokumen suntikan anti-tifoid pemohon dan pekerja. c) Salinan sijil kursus latihan pengendali makanan pemohon dan pekerja dari Sekolah Latihan Pengendali Makanan Bertauliah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). d) Satu (1) keping gambar perangkap sisa makanan dan minyak (<i>grease trap</i>)		
8	Satu (1) keping gambar alat pemadam api yang telah disediakan di premis, Satu (1) keping gambar peti kecemasan dan Satu (1) keping gambar hadapan premis.		
9	Satu (1) salinan Polisi Insurans (jika ada)		
10	Untuk permohonan Lesen Percetakan perlu dilampirkan satu (1) salinan Lesen Percetakan daripada Kementerian Dalam Nege		

*Tandakan (/) pada ruangan yang berkaitan.



PK-BPBP-01-R5

**SYARAT-SYARAT LESEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN
DI BAWAH ENAKMEN NO. 12 TAHUN 2002 DAN KAEDAH-KAEDAH
HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2003**

1. Lesen Hendaklah Dipamerkan :

Hendaklah pada setiap masa mempamerkan di tempat ketara di tempat hiburan :

- a. lesen berkenaan dengan tempat hiburan itu ; dan
- b. lesen berkenaan dengan hiburan yang diadakan di tempat hiburan itu.

2. Mengadakan dan menguruskan suatu tempat letak kereta yang sesuai di sekitar tempat hiburan.

3. Hendaklah pada setiap masa menjaga kebersihan tempat hiburan.

4. Hendaklah mengawasi paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan yang disediakan dan memastikan bahawa bunyi demikian tidak mewujudkan sesuatu kacauganggu.

5. Kemudahan Tandas :

- a. Terdapatnya kemudahan tandas yang berasingan bagi lelaki dan perempuan dan diselenggara dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa.
- b. Tandas dilengkapi dengan paip, baldi dan hos untuk memudahkan pembersihan.
- c. Hendaklah pada setiap masa dilengkapi kertas tandas, sabun atau bahan pencuci, tong sampah, pengering elektrik, tuala bersih atau kertas tisu.
- d. Jika pencahayaan asli tidak mencukupi, maka pencahayaan buatan hendaklah disediakan pada setiap masa.
- e. Bekalan air yang mencukupi hendaklah ada pada setiap masa.

6. Hendaklah menyediakan dan menyelenggara dalam keadaan baik pada setiap masa satu kotak pertolongan cemas yang sesuai yang mengandungi pembalut dan alat-alat pertolongan cemas lain-lain.

7. Keselamatan Orang Awam :

- a. Hendaklah memastikan bahawa pembinaan premis, susunan tempat duduk, keperluan-keperluan pasukan bomba dan pemasangan pencahayaan, elektrik, gantian udara dan mekanikal adalah mengikut undang-undang.
- b. Hendaklah memastikan bahawa semua alat pencegahan kebakaran diselenggara dengan wajar dan dalam keadaan boleh digunakan dengan baik.
- c. Hendaklah memastikan semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar adalah sentiasa tidak dikunci pada setiap masa waktu pengendalian.

8. Hendaklah mengambil segala langkah yang perlu dan sesuai untuk memastikan bahawa terdapatnya gantian udara itu dijaga dalam keadaan boleh digunakan dengan baik pada setiap masa.

9. Tiada warung, gerai atau struktur lain boleh dibina di dalam tempat hiburan melainkan dibenarkan dan diluluskan oleh Pegawai Pelesenan.

10. Tiada warung, gerai atau struktur lain yang terletak dalam sesuatu tempat hiburan boleh digunakan bagi apa-apa tred, perniagaan atau hiburan atau sebagai establisymen makanan tanpa sesuatu lesen yang dikeluarkan terlebih dahulu.

11. Tiada hiburan selain daripada yang dinyatakan dalam lesen hiburan boleh dibenarkan dalam tempat hiburan.
12. Bilangan mesin bagi apa-apa permainan yang dibenarkan dalam tempat hiburan tidak boleh melebihi bilangan yang dinyatakan dalam lesen.
13. Tidak boleh membenarkan lebih daripada bilangan orang yang dinyatakan dalam lesen untuk memasuki atau berada di dalam tempat hiburan.
14. Hendaklah memastikan bahawa pelakon-pelakon dalam sesuatu hiburan yang diadakan berpakaian sopan.
15. Tiada radas yang berupaya membuat pelarasan boleh digunakan dalam apa-apa permainan untuk mengubah peluang seseorang pemain daripada mencapai tujuannya.
16. Hendaklah hanya mengendalikan tempat hiburan dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam lesen iaitu dihad kepada pukul **12.00 tengah malam sahaja**.
17. Had Umur Pelanggan :
 - a. Tiada orang dibawah umur boleh dibenarkan masuk atau berada di tempat hiburan.
 - b. Hendaklah mempamerkan di pintu masuk tempat hiburan satu notis yang mengandungi maklumat dan larangan had umur pelanggan.
 - c. Jika kanak-kanak dibawah umur 12 tahun dibenarkan untuk memasuki tempat hiburan, hendaklah memastikan bahawa kanak-kanak itu disertai bersama ibubapa, penjaga yang sah atau seorang dewasa dan hanya dibenarkan mengunjungi atau berada di dalam tempat hiburan sehingga pukul 10.00 malam sahaja.
 - d. Hendaklah memastikan mana-mana pelajar yang berpakaian seragam sekolah tidak dibenarkan mengunjungi atau berada di dalam tempat hiburan pada bila-bila masa.
18. Larangan :
 - a. Hendaklah memastikan bahawa tiada apa-apa aktiviti tidak sihat atau maksiat boleh dibenarkan berlaku di dalam tempat hiburan pada bila-bila masa.
 - b. Hendaklah memastikan tiada bir atau minuman memabukkan atau mana-mana minuman yang dilarang dihidang atau diminum di tempat hiburan.
 - c. Tiada hiburan yang lucah boleh dibenarkan di dalam tempat hiburan.
 - d. Tiada orang yang mabuk boleh dibenarkan memasuki atau berada di dalam tempat hiburan.
 - e. Hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 (Akta 289) atau Ordinan Pertaruhan 1953 (ord. 47/1953) dijalankan dalam tempat hiburan.
 - f. Hendaklah memastikan bahawa tiada mana-mana pekerja rakyat asing dibenarkan bekerja di tempat hiburan tanpa permit kerja.
 - g. Hendaklah memastikan bahawa tempat hiburan berkeadaan terbuka daripada sistem pencahayaan yang terang dan penggunaan cermin gelap adalah dilarang pada bila-bila masa.
18. Hendaklah memastikan bahawa tempat hiburan dijadikan sebagai kawasan larangan merokok, melainkan di suatu tempat berasingan yang khususnya untuk berbuat demikian.
19. Tempoh Masa Hiburan Yang Tidak Dibenarkan :

Tiada hiburan atau tempat hiburan boleh dibuka untuk pengendalian atau operasi bagi tempoh masa yang dinyatakan di bawah ini, melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan :

- a. Malam Jumaat : Daripada pukul 6.00 petang hari khamis hingga pukul 3.00 petang hari jumaat.
- b. Hari Maulud Nabi : Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 petang hari itu.
- c. Hari Mi'raj : Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 petang hari itu.
- d. Hari Nisfu : Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya Syaaban hingga pukul 6.00 petang hari itu.
- e. Hari Pertama : Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya
Raya Puasa hingga pukul 2.00 petang hari itu.
(Aidilfitri)
- f. Hari Pertama : Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya
Raya Aidul Adha hingga pukul 9.30 malam hari itu.
- g. Hari Dalam Bulan : Daripada pukul 6.00 petang hingga pukul 9.30
Ramadhan malam.
- h. Awal Muharram : Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya
(Maal Hijrah) hingga pukul 3.00 petang hari itu.

20. Mematuhi apa – apa arahan lisan atau bertulis yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Penafian :

Pihak Majlis Daerah Marang tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan, kehilangan, kerugian, ganti rugi atau tuntutan yang muncul daripada aktiviti di premis perniagaan

Peringatan :-

Premis atau mana – mana bahagian premis hendaklah dipastikan tidak berada di dalam rezab jalan. Kegagalan untuk mematuhi kehendak ini atau mana – mana syarat yang dinyatakan di atas adalah menjadi suatu kesalahan dan membolehkan lesen yang dikeluarkan digantung, dibatal atau ditarik balik pada bila – bila masa.

PK-BPBP-01-R5



SYARAT-SYARAT LESEN PREMIS MAKANAN DAN RESTORAN

1. Bangunan yang digunakan untuk menjalankan perniagaan kedai kopi / makan hendaklah direka bentuk bagi tujuan tersebut. Bangunan selain daripada itu hendaklah mendapat kelulusan dari Yang Di Pertua Majlis.
2. Bagi bangunan kekal atau separuh kekal keseluruhan lantai bangunan hendaklah dipasang mozek. Manakala bangunan sementara, keseluruhan lantai bangunan tersebut hendaklah dikonkrit. Kebersihan lantai hendaklah dijaga sepanjang masa dan dibasuh pada masa yang difikirkan sesuai.
3. Bagi bangunan kekal dinding bangunan hendaklah dipasang baru jubin sekurang-kurangnya 1.5 meter tinggi (5 kaki). Bagi bangunan sementara dinding hendaklah diperbuat daripada bahan yang mudah dicuci. Kebersihan dinding hendaklah dijaga sepanjang masa.
4. Bangunan kedai hendaklah mempunyai siling dan hendaklah dicat baru serta dijaga kebersihan sepanjang masa.
5. Longkang hendaklah disediakan sekeliling bangunan bagi mengalirkan air dari bangunan kedai dengan aliran keluar ketempat yang sesuai.
6. Bilangan tandas yang mencukupi hendaklah disediakan. Dinding tandas hendaklah dipasang jubin setinggi 1.5 meter tinggi. Kebersihan tandas hendaklah dijaga sepanjang masa.
7. Bangunan kedai hendaklah mempunyai ruang yang mencukupi untuk peredaran udara yang selesa secara semulajadi atau buatan hendaklah disediakan.
8. Kemudahan bekalan air bersih yang secukupnya hendaklah disediakan. Bekalan air hendaklah dari Jabatan Bekalan Air.
9. Menyediakan sekurang-kurangnya 2 buah mangkuk basuh tangan (wash hand basin).
10. Menyediakan 2 buah tong sampah dan sampah-sarap hendaklah dimasukkan kedalam beg plastik dan diikat sebelum dilupuskan.
11. Bekalan makanan hendaklah berada dalam keadaan baik dan selamat untuk dimakan.
12. Hendaklah mengadakan bekas-bekas yang bertutup atau almari-almari yang tidak boleh dimasuki serangga perosak untuk semua makanan masak bagi menjaga kebersihannya.
13. Menyediakan meja-meja makan yang diperbuat dari bahan kalis air dan mudah dibersihkan.
14. Dapur jenis gas atau letrik hendaklah digunakan untuk memasak atau memanaskan makanan. Dapur kayu atau arang adalah dilarang penggunaannya.
15. Singki hendaklah disediakan untuk mencuci peralatan dapur. Pinggan mangkuk dan peralatan dapur hendaklah disimpan ditempat yang bersih. Membasuh peralatan dapur dikaki lima atau lorong belakang adalah dilarang.
16. Menyediakan perangkap sisa minyak dan makanan disingki dapur.
17. Semua pengendali makanan hendaklah mendapatkan suntikan Typhoid dan akuan pemeriksaan kesihatan dari Pegawai Kesihatan serta mempunyai sijil Kursus Latihan Pengendali Makanan di Sekolah Latihan Pengendali Makanan Bertauliah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
18. Pengendali makanan tidak dibenarkan meludah, membuang hingus, merokok dan melakukan perbuatan yang boleh mencemarkan makanan.

19. Pengendali makanan hendaklah memakai apron, penutup kepala, kasut / sandal bertutup dan pakaian yang bersih semasa mengendalikan makanan.
20. Menyediakan papan tanda seperti **“Dilarang merokok”**, **“Jaga Kebersihan”** dan notis-notis kebersihan yang sesuai dipamerkan dalam premis.
21. Tindakan mengawal pembiakan / pencemaran vektor pembawa penyakit seperti lipas, lalat, tikus dan sebagainya hendaklah sentiasa dilakukan.
22. Kebersihan peti sejuk hendaklah sentiasa dijaga. Bahan makanan yang disimpan dalam peti sejuk hendaklah disusun atur dengan baik dan kemas.
23. Sebuah stor yang sesuai hendaklah disediakan untuk menyimpan stok barang-barang makanan.
24. Perlu membuat pendaftaran di Pejabat Kesihatan Daerah Marang atau melalui Sesawang Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (<http://fsq.moh.gov.my>).
25. Mengadakan **Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM)** dengan Pejabat Kesihatan Daerah Marang dalam tempoh 1 tahun selepas lesen dikeluarkan (premis kilang makanan - memproses & mengedar makanan sahaja).
26. Menyediakan notis Larangan Merokok bagi premis berhawa dingin.
27. Premis perniagaan yang beroperasi pada hari Jumaat hendaklah ditutup operasi mulai jam 12.30 tengahari hingga 2.30 petang sebagaimana arahan Pihak Berkuasa Negeri.
28. Meletakkan / mempamer tanda harga jualan makanan.
29. Hendaklah menggunakan tisu napkin sahaja dan dilarang menggunakan tisu tandas (tisu gulung) untuk kegunaan pelanggan.
30. Pekerja asing yang digajikan oleh majikan mestilah mempunyai **permit kerja** yang sah daripada Jabatan Imigresen Malaysia.
31. Dilarang simpan/jual minuman yang memabukkan.
32. Lesen boleh ditamatkan sekiranya pelesen didapati melanggar mana-mana undang-undang negara.

Penafian :

Pihak Majlis Daerah Marang tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan, kehilangan, kerugian, ganti rugi atau tuntutan yang muncul daripada aktiviti

PK-BPBP-01-R4



SYARAT-SYARAT LESEN PREMIS PERNIAGAAN

1. Pelesen hendaklah menjaga dan menyelenggara tempat atau premis yang dilesenkan supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih.
2. Pelesen hendaklah mengadakan tong atau bekas sampah yang cukup sebagaimana perlu untuk meletakkan sampah. Semua sampah-sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dilupuskan ke tong sampah.

3. Pelesen tidak boleh menyebabkan atau membenarkan darah, cecair kotor atau lain-lain bahan yang menjadi punca gangguan dilonggokkan, ditumpahkan atau dialirkan ke longkang atau tempat awam atau tempat-tempat persendirian.
4. Pelesen hendaklah menyediakan bekalan air bersih iaitu bekalan air JBA dan menyambung terus ke tempat penyediaan makanan.
5. Pelesen hendaklah menyediakan tandas dan bilik air yang mencukupi serta tempat mencuci tangan.
6. Pelesen hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi.
7. Pelesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk memastikan tidak ada kesesakan di dalam tempat atau premis yang dilesenkan.
8. Yang Dipertua boleh dengan notis bertulis menghendaki pelesen supaya menyediakan kemudahan bagi pekerja-pekerja seperti bilik mesyuarat, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan sebagainya.
9. Pelesen hendaklah memastikan di dalam tempat atau premis yang dilesenkan, terdapat perkara-perkara berikut :
 - a) Menyediakan kelengkapan alatan pemadam kebakaran yang mencukupi.
 - b) Menyediakan tangga dan jalan keluar yang mencukupi dan diselenggarakan dengan baik. Semua tangga dan laluan keluar masuk berada dalam keadaan bebas dan tiada halangan.
 - c) Bahan yang mudah terbakar hendaklah disimpan ditempat yang selamat.
10. Pelesen dilarang menimbulkan kacauganggu atau membakar atau melepaskan habuk, debu, jelaga, bau busuk atau lain-lain kacauganggu awam.
11. Pelesen hendaklah menyediakan notis Larangan Merokok bagi premis berhawa dingin.
12. Premis perniagaan yang beroperasi pada hari Jumaat hendaklah ditutup operasi mulai jam 12.30 tengahari hingga 2.30 petang sebagaimana arahan Pihak Berkuasa Negeri.
13. Pelesen hendaklah meletakkan/mempamerkan tanda harga pada barang-barang jualan.
14. Perkhidmatan Refleksologi/Spa/MediSpa hendaklah hanya membuat rawatan atau urutan ke atas pelanggan yang sama jantina sahaja.
15. Pekerja asing yang digajikan oleh majikan mestilah mempunyai **permit kerja** yang sah daripada Jabatan Imigresen Malaysia.
16. Menyediakan perangkap sisa minyak dan pasir bagi premis **Khidmat Cuci/Kilat Kenderaan**.
15. Lesen boleh ditamatkan sekiranya pelesen didapati melanggar mana-mana undang-undang negara.

Penafian :

Pihak Majlis Daerah Marang tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan, kehilangan, kerugian, ganti rugi atau tuntutan yang muncul daripada aktiviti di premis perniagaan.

PK-BPBP-01-R6



SYARAT-SYARAT LESEN IKLAN

1. Setiap iklan hendaklah menggunakan Tulisan Jawi dan Bahasa Malaysia. Tulisan lain-lain bahasa boleh digunakan bersekali dengan Bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dengan betul dari segi ejaan, tulisan, tatabahasa, terjemahan dan lain-lain.

2. Tulisan Bahasa Malaysia hendaklah ditulis di bahagian atas sekali tanpa ada apa-apa tulisan lain di bahagian itu, kecuali jika tulisan jawi digunakan. Tulisan jawi hendaklah hendaklah ditulis di atas daripada perkataan Bahasa Malaysia. Tulisan Bahasa Malaysia hendaklah lebih besar dan menggunakan warna yang lebih terang daripada bahasa-bahasa lain.
3. Tiada seorang pun boleh menggunakan perkataan-perkataan **“Halal”**, **“Ditanggung Halal”** atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan yang dimaksudkan oleh iklan itu adalah halal bagi orang Islam memakannya melainkan orang itu telah mendapat kelulusan secara bertulis daripada Yang Di Pertua Majlis.
4. Pelesen hendaklah mempamerkan lesen pada setiap masa disuatu tempat yang jelas kelihatan di dalam premis yang dilesenkan bagi tujuan pemeriksaan.
5. Apabila sesuatu lesen dibatalkan pelesen hendaklah memindahkan iklan itu dalam tempoh 14 hari dari notis diterima.
6. Lesen tidak boleh dipindah milik kecuali dengan mendapatkan kebenaran dari Yang Di Pertua Majlis.
7. Yang Di Pertua Majlis boleh mengeluarkan notis supaya meminta pelesen membaiki mengecat semula atau memindahkan iklan atau apa-apa struktur binaannya.
8. Pelesen dikehendaki meletakkan **No. Rujukan (contoh : MDM 384/62/09)** pada **bahagian bawah sebelah kanan** pada papan tanda/ iklan yang di pamer.
9. Pelesen tidak dibenarkan memasang papan tanda/iklan pada rezab jalan.
10. Majlis tidak bertanggungjawab ke atas kerosakan iklan yang menimpa kepada orang awam dan harta awam akibat dari kerosakan.

Penafian :

Pihak Majlis Daerah Marang tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan, kehilangan, kerugian, ganti rugi atau tuntutan yang muncul daripada aktiviti di premis perniagaan.